



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : FEBRUARI / 20 / 2025

M/S : 7

Tol MLFF dilaksana PLUS atas usaha syarikat konsesi sendiri

Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) yang akan dilaksanakan PLUS Malaysia Bhd adalah atas usaha persendirian syarikat konsesi itu.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan, selepas Perjanjian Pelantikan (AA) Central Tolling Company (CTC) antara pihak kerajaan dan syarikat pencadang iaitu KJS-SEP JV yang berakhir pada 16 Disember 2024, pihak konsesi berhak melaksanakan MLFF mereka sendiri.

“Pihak konsesi ada hak untuk melaksanakan MLFF mereka sendiri walaupun mereka tertakluk kepada arahan dan hala tuju (MLFF) yang akan diputuskan Kabinet.

“Berkenaan kerjasama rentas kementerian, kita semanganya perlu mendapatkan maklumat dan pandangan daripada Kementerian Pengangkutan (MoT), Kementerian Kewangan (MoF), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS),” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Ahmad menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) berhubung perkembangan kerjasama rentas kementerian susulan ujian perintis MLFF akan dimulakan pada April depan.

Menjawab soalan asal Ka Siong mengenai pendirian kerajaan dalam memuktamad-

kan hala tuju MLFF dan status terbaharu rundingan bersama syarikat konsesi lebuhraya, beliau berkata, kementerian masih komited untuk melaksanakan sistem kutipan tol secara MLFF dalam memastikan penyelesaian dan kemudahan pengguna lebuhraya.

“Justeru, pihak kementerian akan mendapatkan hala tuju baharu daripada Jemaah Menteri berkaitan kaedah pelaksanaan MLFF ini dalam tempoh terdekat.

“MLFF adalah satu inisiatif kementerian bagi masa depan untuk sistem kutipan tol, ini sejajar dengan pelan pelaksanaan Sistem Pengangkutan Pintar Negara (ITS) dan melalui sistem itu pengguna tidak lagi perlu memberhentikan atau memperlahankan kenderaan bagi membuat bayaran tol dan seterusnya melancarkan lagi aliran trafik di kawasan plaza tol,” katanya.

Beliau berkata, cadangan pelaksanaan MLFF di Malaysia akan menggunakan gabungan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) dan kamera pengesanan nombor plat automatik (ANPR) yang berupaya mengesan kenderaan berserta maklumat pengguna bagi tujuan pembayaran tol lebih lancar.

Selain itu, katanya, reka bentuk lebuhraya baharu juga disesuaikan dengan teknologi yang bersedia untuk pelaksanaan sistem kutipan tol secara MLFF.

BERNAMA